

Irama disko album 'BAD' iring pencak silat **G. Harlan (M)**

UNSUR terbaru dalam pencak silat menggunakan muzik disko? Pesilat-pesilat dari England (lihat gambar) menggunakan irama disko daripada album terbaru Michael Jackson, "Bad" mengiringi pertunjukan pencak silat.

Pembaharuan ini ternyata mendapat sambutan lebih 15,000 penonton yang membanjiri Stadium Negara di malam penutup, Kejuaraan Silat Sedunia, kelmarin.

Mungkin tidak semua yang dapat menerima pembaharuan ini. Menurut beberapa pendapat, kita harus mengikut zaman, tetapi akan hilanglah irama gamelan dan gong, diganti dengan kelantangan muzik rancak.

**DETIK-
DETIK
MENARIK**



■ **AKU JUARA...**pesilat Malaysia, Ahmad Fauzi Othman mengangkat tangan Koldo Auzmendi dari Sepanyol (kanan) selepas menerima pingat kemenangan Kelas F. Di sebelah kiri Jamal Jantan (Singapura).



■ MENGGEGARKAN...Stadium Negara dibanjiri penonton menyaksikan pertarungan pesilat kebangsaan, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar menentang Jarkoni (Indonesia) dalam perlawanan akhir Kelas G kelmarin. Wan Aminuddin catat kemenangan 3-2.



■ UNTUKMU MALAYSIA...Wan Aminuddin Baki Juara Kelas G.



■ PIALA UNTUK NEGARA...Malaysia memenangi bahagian seni dalam Kejuaraan Silat Sedunia keempat merebut Piala Pendekar...

Silat sedunia: Pelancong beri sambutan hangat

LEBIH 120,000 penonton menyaksikan Kejuaraan Silat Sedunia sepanjang enam hari di Stadium Negara berakhir malam kelmarin, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Enck Abdul Rahman Suliman semalam.


Kalanya, 40 peratus daripada mereka adalah penduduk di luar Kuala Lumpur dan pelancong.

Menurutnya, sambutan itu menepati matlamat kementerian itu untuk menarik pelancong ke negara ini menerusi Kejuaraan Silat Sedunia dan beberapa sukan lain dalam tempoh yang sama.

Bagaimanapun, beliau memberitahu, kejuaraan ini menjadi tumpuan utama pelancong kerana mereka ingin menyaksikan perkembangan silat yang kian merembak ke serata dunia khusus di Free-pah.

Ini kerana pelancong luar terutama Eropah terpesona dengan kebudayaan negara.

Sementara itu, pengerusi Jawatankuasa pengatur kejuaraan, Aziz Deraman, berkata pihaknya tidak menduga sambutan hebat yang diberikan oleh masyarakat di dalam dan luar negeri.



■ Dua teknik T

Jika seseorang itu membuat kesalahan dalam menggunakan teknik tangkisan yang tidak tepat dalam kedudukan dan keadaannya ketika pertarungan, maka dia tidak dapat membuat serangan balas dengan pantas.

Jika teknik tangkisannya tidak bersesuaian dengan keadaan, dia berupaya menangkis tetapi sukar melakukannya yang berkesan ke sasaran untuk mengukuhkan kemenangan.

MENGENALI PERMI

Semi
Silat

Ta
Ta

SALAH
ialah T
seranga
seranga
Kaki
menam
kaki le
mempu
Jika l
mengan
muda h
menggu
Apab
seseora
seseora
secara
seranga
Ini ke
ingin m
Ketika
walaup
memuda
merapat
Bagai
peserta
tangan c
Kedua
diarahk
mengha
Ada p
peserta
daripada
Bagai
Keberke
kepada
berlangs